

**LUPONG MANANG: ANALISIS KOLEKSI MUZIUM SARAWAK
DALAM AMALAN MANANG IBAN DI SARAWAK**

***LUPONG MANANG: ANALYSIS OF SARAWAK MUSEUM COLLECTION IN
THE SHAMANISM PRACTICES OF MANANG IBAN IN SARAWAK***

Gregory Kiyai @ Keai

Abstrak

Lupong manang merupakan sebuah kotak kayu yang sangat sakral milik *Manang* dan mempunyai peranan yang signifikan dalam perubatan dan penyembuhan tradisional Iban iaitu ritual *Belian*. Namun, amalan *Manang* semakin dilupakan oleh masyarakat Iban disebabkan oleh faktor agama, globalisasi dan kerelevanan hidup. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis *Lupong Manang* dalam koleksi Muzium Sarawak untuk melihat asal usul, estetika seni dan rupa serta signifikannya dalam ritual budaya masyarakat Iban dengan menggunakan sebuah Model Fleming (1974). Pendekatan penyelidikan ini adalah bersifat *explanatory research* melalui kaedah kualitatif. Hasil dapatan mendapati bahawa *Lupong Manang* mempunyai nilai-nilai yang penting dalam memberikan gambaran bagaimana masyarakat Iban tradisional berpegang teguh kepada hubungan di antara manusia dan alam ghaib. Implikasi penyelidikan ini adalah sebagai sebuah usaha untuk memberikan kefahaman yang kolektif serta mengarkibkan *Lupong Manang* sebagai kajian budaya masyarakat peribumi di Sarawak.

Kata kunci: Amalan Iban, koleksi Muzium Sarawak, *Lupong Manang*, *Manang* Iban, ritual Iban

Abstract

Lupong manang is a very sacred wooden box that belongs to *Manang* and has a significant role in traditional Iban medicine and healing which is the *Belian* ritual. However, the practice of *Manang* is increasingly being forgotten by the Iban community due to religious factors, globalization and the relevance of life. Therefore, this study will analyze the *Lupong Manang* in the collection of the Sarawak Museum to see the origin, aesthetics of art and appearance as well as its significance in the cultural rituals of the Iban community by using a Fleming Model (1974). This research approach is explanatory research through a qualitative methodology. The findings found that *Lupong Manang* has important values in providing an image of how the traditional Iban community firmly adheres to the relationship between humans and the supernatural. The implication of this research is as an effort to provide a collective understanding and archive *Lupong Manang* as a study of the culture of the indigenous people in Sarawak.

Keywords: *Iban practice, Sarawak Museum collection, Lupong Manang, Manang Iban, Iban ritual*

PENGENALAN

“Mang ari kepayang rendam sepagi, munuh ari ipuh ujung jenggi, nyaing ari puting mata geraji”
(Peribahasa Iban)

Makna peribahasa diatas adalah bermaksud seseorang yang memiliki pengetahuan, keberanian dan kekuatan yang tidak dimiliki oleh orang biasa. Peribahasa tersebut adalah merujuk kepada *Manang* yang mempunyai peranan yang penting dalam ilmu perubatan tradisional Iban di Sarawak. Umumnya, amalan ritual dan dukun di Sarawak, amnya Borneo telah wujud sejak zaman akhir Neolitik lagi iaitu kira-kira 35,000 tahun SM atau lebih awal. Pernyataan ini adalah dengan mengambil kira kepada penemuan lukisan pada permukaan gua di dalam Gua Kain Hitam, Niah Sarawak dan jumpaan artifak yang dipercayai menjadi teras dalam amalan masyarakat prasejarah yang telah menetap di kawasan itu sekitar 1,000 tahun lampau dengan mengamalkan kebudayaan Hoabinhian, iaitu masyarakat yang mengamalkan kebudayaan yang berasaskan pemburuan dan penghijrahan untuk mendapatkan sumber makanan (Marzuki 1998; Kimwah et al. 2018). Kemudiannya kebudayaan tersebut berkembang dan dipengaruhi oleh Kebudayaan Dongson. Ini adalah berdasarkan kepada analisis visual keranda perahu di Gua Kain Hitam yang dijumpai serupa dengan motif yang terdapat pada gendang Dongson (Harrison 1958; Kimwah et al. 2020).

Penyelidikan di Gua Hitam, Niah telah menginterpretasikan bahawa telah wujudnya amalan ilmu kedudukan dalam ritual masyarakatnya. Ini adalah berdasarkan kepada lukisan pada permukaan dinding gua telah dikenal pasti imej *anthropomorphic* sebanyak 40 jenis imej yang telah menggambarkan wujudnya kebudayaan awal masyarakat prasejarah di gua tersebut. Kesemua imej tersebut adalah berdasarkan kepada ciri-ciri fizikal reka bentuk tubuh yang lengkap dengan kepala, tangan dan kaki yang sempurna. Melalui penelitian imej tersebut, beberapa figura dalam pelbagai posisi iaitu seperti melompat, menari dan bergerak dalam bentuk bulatan adalah cukup untuk para penyelidik memahami bahawa itu adalah suatu bentuk ritual yang dilakukan oleh seorang bomoh (Rujuk gambar 1: i). Malahan, imej tersebut berjaya mendokumentasi bahan-bahan budaya yang digunakan oleh bomoh seperti bulu burung, perhiasan kepala, dan penggunaan bahan-bahan alam seperti daun sebagai objek sakral dalam ritual (Rujuk gambar 1: ii). Apa yang lebih menarik, imej tersebut turut menunjukkan jantina lelaki dengan menegaskan bentuk kelamin dalam lukisan gua tersebut (Rujuk gambar 1: iii).



Gambar 1. Imej *anthropomorphic* di Gua Kain Hitam, Niah (Sumber: Junior Kimwah 2021)

Menurut Kimwah et al (2018) Gua Niah berdasarkan kepada kajian Harrison (1960) telah wujud amalan kebudayaan yang berkaitan dengan pengembumian mayat dan aktiviti sosial masyarakat prasejarah. Jumpaan artifak budaya seperti rangka tulang manusia, manik kaca dan peralatan logam yang dijumpai bertaburan di sekeliling keranda perahu telah mewujudkan sebuah perspektif budaya masyarakat prasejarah sudah mempunyai *worldview* mereka tentang alam selepas kehidupan iaitu kemana roh mereka akan pergi selepas mati. Selain itu, temu bual bersama informan Junior Kimwah berdasarkan kepada penelitiannya dan penyelidikan Harisson (1957) mengatakan bahawa lokasi Gua Hitam bukanlah sebuah penempatan bagi masyarakat prasejarah tetapi merupakan sebuah makam

dan sengaja dibina di kawasan yang paling tinggi di kedudukan ruangan gua tersebut. Perkara ini mungkin bersangkut paut dengan kepercayaan animisme masyarakatnya bahawa, kawasan yang tinggi akan mendekatkan diri mereka dengan kuasa yang dipercayai sebagai tuhan (temubual Junior Kimwah 2022). Perkara ini boleh dilihat dalam kebudayaan masyarakat *Bo* dan *Guyue* yang berasal dari Selatan China, yang menggantungkan keranda di tebing bukit atau gua yang tinggi. Tujuannya adalah memudahkan roh si mati dekat dengan langit untuk proses transformasi di alam kehidupan dan alam kematian (Zhang et al 2020).

Kewujudan aktiviti sosial dan bentuk pengembumian purba di Gua Kain Hitam tersebut secara tidak langsung telah membangunkan kepercayaan dan penggunaan artifak budaya dalam tujuan upacara dan ritual. Bagi masyarakat Iban yang merupakan antara rumpun peribumi yang tertua di Sarawak¹, mereka telah berevolusi dan bertransformasi berdasarkan kepada perubahan alam serta pengaruh landskap budayanya sejak dari beribu-ribu tahun sehinggalah membentuk kepada kumpulan etnik mereka sekarang ini. Penyelidikan mengenai masyarakat Iban telah banyak diperbincangkan oleh sarjana luar negara seperti Freeman (1970), Rousseau (1980), Sather (1996) Appell (2001) dan King (2017). Selain itu, beberapa penyelidik tempatan yang terdiri daripada orang Iban sendiri seperti Sandin (1967), James Jemut Masing (1981), Peter Kedit (1988), Linggi (2001) dan Kiyai (2022). Skop penyelidikan menjurus kepada bidang kemanusiaan dan sains sosial yang melihat tentang sosial, adat, kepercayaan dan objek budaya masyarakatnya dan amat penting dalam sorotan kesusasteraan bagi penulis yang mengkaji secara berfokus mengenai aktiviti kebudayaan dan kesenian masyarakat Iban di Borneo, amnya Sarawak. Oleh itu, penyelidikan ini memfokuskan koleksi artifak etnologi Muzium Sarawak iaitu *Lupong Manang* yang digunakan oleh *Manang* (shaman) dalam ilmu perubatan dan melihatnya dalam konteks budaya Iban.

***Lupong Manang* dalam perbincangan lepas**

Dalam kepercayaan tradisional Iban, setiap punca penyakit yang terjadi pada manusia adalah berasal daripada semangat jahat atau dikenali sebagai *Antu*. Menurut Sandin (1983) sesebuah penyakit itu dikenali sebagai "*pansa utai*" atau "*pansa bulu babas*" yang disebabkan oleh serangan *Antu Gerasi* yang tidak kelihatan oleh mata dan selalu memburu manusia sebagai makanannya. Menurut beliau, setiap luka atau kesakitan yang disebabkan oleh *Antu* haruslah diubati dan disembuhkan oleh *Manang* (shaman) kerana mereka ini adalah orang pakar dalam pengubatan rohani. Jika kesakitan tersebut adalah serius dan mengancam nyawa, maka *Manang* akan melakukan sebuah upacara iaitu "*bebunuh antu*" untuk mengusir, menghalau dan membunuh syaitan yang telah mencederakan orang Iban. Jika seorang *Manang* tersebut tidak mampu atau takut menghadapi *Antu* dalam ritual *belian* (upacara penyembuhan) maka beliau boleh mencadangkan *Manang* yang senior dan lebih berani.

Semasa Tom Harrisson menghabiskan masa untuk menerokai khazanah dan warisan budaya di Sarawak dalam catatannya yang bertajuk *Borneo writing* (1965) beliau ada mendeskripsikan *Lupong Manang* dalam catatannya:

"Magical boxes;" this is difficult to translate, and refers to wooden box especially made for "shamanist" secret gear. No authentic ancient example is known to survive, and nowadays a tin is usually used. (Harrisson 1965)

Dalam penerangannya itu, beliau menjelaskan bahawa *Lupong Manang* ini adalah disebut sebagai objek yang misteri dan sering digunakan oleh *Manang* dalam upacara dan ritual Iban yang berkaitan

¹ Berdasarkan kepada penemuan tengkorak manusia primitif (wanita pertengahan umur) yang telah digali di Gua Niah iaitu *Deep Skull* mengatakan bahawa usia tengkorak tersebut adalah sekitar 45 000 (atau lebih awal) tahun lampau dan diklasifikasikan sebagai manusia moden yang terawal di Pulau Borneo. Malahan penyelidik dari UNSW Australia menyifatkan bahawa sisa-sisa purba yang terdapat pada tengkorak tersebut adalah menyerupai beberapa orang asli yang terdapat di Borneo kini. Perkara ini dijelaskan lagi oleh kajian persampelan genetik yang dilakukan pada 2011 mencadangkan bahawa rumpun Dayak termasuklah masyarakat Iban adalah terlibat dalam gelombang generasi awal yang bermigrasi dan menetap di Pulau Borneo sekitar tahun 45, 000 sehingga 50, 000 SM atau lebih awal lagi (Simonson et al. 2011; Curnoe et al. 2016).

dengan penyembuhan dan pengusiran roh jahat yang disebut sebagai *Antu*. Di mana, objek ini diperbuat daripada kulit kayu *entili* dan dicampur dengan material rahsia yang mana kearifan tempatan tersebut hanya diketahui oleh *Manang* sahaja. Bahkan Harrison turut mencatatkan gelaran yang telah diberikan oleh seorang *Manang* dalam penulisannya berkaitan dengan kekuasaan *Lupong Manang* tersebut dalam ritual penyembuhan tradisional Iban. Kekuasaan tersebut dizahirkan dengan bahasa-bahasa metafora yang tinggi, sehingga sesiapa yang bukan dalam rumpun Ibanik, agak sukar untuk mengerti makna dan maksudnya secara jelas:

"Tembawai madang rembai, bungai bekabuchai nyila isang. Temba-wai madang rian buah merabingan baka selayan gantong gendang. Tembawai madang isu buah bekatalu baka jelu nyumbob bujang. Tembawai madang sikup buah keterungkup baka lupong manang" (Terjemahan: *"An old house site is overgrown with rembai trees, their flowe rshanging like fan palms. An old house site is overgrown with durian trees, their fruits hanging like gongs. An old house site is overgrown with isu durians, the fruits like bachelor pig-tailed monkeys hanging upside down. An old house site is overgrown with mangosteen, the fruits like shamans' magical boxes"*) (Harrisson 1965).

Selain itu, kajian Werner pada tahun 1991 dan diterbitkan dalam buku *Lupong: The Manang Healing Kit* (2012) dan *Diagnostic Procedures of the Iban Manang: Cultural Heritage, History & Social History, Nature, Ecology and Environment* (2013) mengatakan bahawa *Lupong Manang* adalah merupakan sebuah kotak penyembuhan yang digunakan oleh bomoh dalam masyarakat Iban di Sarawak. Kotak ini adalah berkaitan dengan *batu ilau* (batu kristal dengan kandungan anorganik), *pentik* (figura kayu kecil), objek keras seperti peralatan kayu dan kulit kayu, loceng dan botol yang dipercayai berisi azimat. Menurut beliau, *Lupong Manang* selalunya kotak kulit kayu yang ringkas, hanya dibezakan dengan sepasang motif figura yang mencangkung sebagai perhiasan di bucu permukaannya. Mengukir bentuk patung-patung tersebut adalah merupakan satu usaha yang berisiko dalam kepercayaan Iban, kerana ia melindungi kandungan di dalam kotak yang berisi roh yang berasal daripada alam kematian. Dengan mengukir patung-patung yang terdapat pada *Lupong Manang* akan membawa jiwa dan semangat pengukir dekat dengan gerbang si mati, kerana fungsi objek budaya tersebut adalah sebagai medium dan perlindungan kepada masyarakat Iban. Maka atas sebab itulah, pengukir perlulah seorang lelaki yang berpengalaman dan mempunyai aura yang kuat untuk melindungi mereka daripada gangguan roh yang berbahaya.


Menurut Shelford (1903) pihaknya telah mengumpul dua artifak budaya dari masyarakat Iban, iaitu *Lupong Manang*. Artifak tersebut diperoleh oleh kurator Muzium Sarawak terdahulu iaitu Shelford daripada seorang *Manang* yang tinggal di kawasan Saribas. Manakala, *Lupong Manang* di sebelah kiri diperoleh dari Batang Sungai Undup, Sri Aman oleh Rev.W.Howell. Beliau merupakan seorang paderi yang banyak berjalan ke seluruh batang sungai di Sarawak atas tujuan menyebarkan agama Kristian kepada masyarakat peribumi Sarawak yang masih menganuti agama tradisional pada ketika itu. Koleksi artifak tersebut dikenali sebagai *Brooke Low Collection* dan menjadi koleksi awal dalam penubuhan Muzium Sarawak bagi bahagian etnologi (Moriss 2020).

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan *explanatory research* iaitu merungkai, memahami dan menerangkan material budaya Iban iaitu *Lupong Manang* dari segi asal usulnya, estetika seni dan signifikannya dalam ritual penyembuhan dan pengubatan Iban di Sarawak. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah bersifat kualitatif iaitu mengumpulkan data penyelidikan melalui kerja lapangan di beberapa rumah panjang iaitu di kawasan Limbang, Lubok Antu dan Undup, Sri Aman untuk mendapatkan variasi data. Selain itu, penyelidik turut melakukan kerja lapangan di Jabatan Muzium Sarawak bagi mendapatkan data yang relevan untuk kajian ini. Bagi proses dokumentasi secara visual, penyelidik menggunakan kaedah menggambar menggunakan kamera yang dilakukan di penstoran dan galeri Jabatan Muzium Sarawak. Kaedah yang terakhir adalah dengan melakukan temu bual bersama-sama dengan kumpulan informan pakar. Di mana, kaedah temu bual ini adalah

menggunakan kolektif memori iaitu dengan mendapatkan data-data berdasarkan kepada memori dan pengetahuan mereka, khususnya golongan tua yang tinggal di rumah panjang.


Penyelidikan ini menggunakan model penyelidikan *Artifact Study: A proposed model* oleh Fleming (1974). Menurut Pearce (2017) mengatakan model Fleming cukup komprehensif kerana merangkumi dua elemen iaitu analisis secara menyeluruh tentang sifat objek dan menganalisis tempat objek dalam konteks kebudayaan yang tersendiri. Selain itu, model ini merangkumi pemahaman objek dari segi budaya pemerhati itu sendiri. Model ini adalah bersifat sederhana dan penjelasan yang sangat jelas dalam mempelajari tentang artifak budaya. Berdasarkan kepada model Fleming di Rajah 1, beliau mencadangkan dua elemen utama iaitu sifat objek berdasarkan kepada lima asas utama pada objek budaya dan pengoperasian objek untuk tujuan analisis yang menggunakan empat kaedah:



Rajah 1. Model *Artifact Study: A proposed model*
Diubah suai dari Fleming (1974) & Pearce (2017)

DAPATAN PENYELIDIKAN

Proses perolehan ilmu *Manang* bukanlah dimiliki oleh semua orang namun harus melalui proses-proses tertentu dan berkait rapat dengan kepercayaan mereka terhadap alam ghaib dan semangat. Perkara ini dapat dijelaskan dalam tiga elemen berdasarkan kepada Rajah 2:



Rajah 2. Ilmu Manang dalam budaya Iban

Sumpah Antu

Masyarakat Iban sangat percaya dengan kewujudan alam ghaib di sekeliling mereka. Mereka yakin bahawa kewujudan alam ghaib ini mampu membantu dan menyusahkan mereka, maka atas sebab itulah keseimbangan kosmologi antara masyarakat Iban dan alam perlu dijaga. Menurut informan *lemambang* Buja, mimpi adalah merupakan sebuah medium komunikasi yang penting dalam perhubungan orang Iban dan alam ghaib dalam menyampaikan pesanan dan arahan. Sekiranya terdapat individu tersebut telah diarahkan oleh *Antu* melalui mimpi, maka mereka menganggap bahawa itu adalah sumpahan yang mana merupakan kurnia yang baik dan berguna kepada mereka untuk menolong dan membantu masyarakat Iban di rumah panjang. Selalunya, orang yang telah disumpah *antu* akan diberikan *pengaroh* (azimat) yang menjadikan kekuasaannya mujarab dalam perkara yang melibatkan penyembuhan, pelaksanaan ritual dan medium dalam komunikasi manusia dan alam ghaib.

PERWARISAN DARI KETURUNAN

Perwarisan ilmu *Manang* berdasarkan keturunan adalah merupakan kesinambungan daripada *sumpah antu*. Ini adalah merupakan sebuah kurnia bagi garis keturunan tersebut untuk meneruskan legasi nenek moyang mereka dengan mewariskan kemahiran dan kepakaran dalam bidang penyembuhan dan pengurusan ritual. Selalunya, perwarisan ini hanya diturunkan kepada kaum lelaki dalam keluarga itu sahaja dan mereka inilah yang bertanggungjawab penting dalam menguruskan hal ehwal keagamaan tradisional Iban selain daripada *Lemambang* (*bard*) dan *Tuai Burung*. Menurut informan, *Manang* Mangui setiap *Manang* yang telah dipilih oleh *Antu* akan mempunyai '*hyang*' tersendiri sebagai pelindung dan penjaga. Sifat-sifat '*hyang*' adalah berdasarkan kepada bentuk-bentuk haiwan dan '*hyang*' yang tertinggi dalam ilmu *Manang* adalah '*hyang menaul*' (*hyang* helang) yang berkuasa dan terbang tinggi. *Manang* yang mempunyai '*hyang menaul*' dilihat sebagai individu yang kuat dan boleh melakukan upacara yang sakral seperti upacara *beserara bungai*², berbanding dengan *Manang* yang mempunyai '*hyang*' yang menjurus kepada haiwan yang hidup di daratan dan air.

Bebangun Manang

Bebangun Manang adalah merupakan sebuah ritual bagi yang dilakukan berdasarkan upacara dan adat untuk menyempurnakan individu yang telah dipilih dan disumpah oleh *Antu* melalui mimpi menjadi seorang *Manang* yang lengkap ilmunya dan boleh melakukan upacara seperti *Pelian* dan ritual seperti *Beserara Bungai*. Menurut informan Kiyai Uri, pelaksanaan *Bebangun Manang* adalah sangat kompleks dan sakral, hanya *Manang* yang senior dan tinggi ilmunya yang dapat 'membangunkan' *Manang* yang baharu. Proses pelaksanaan ini adalah mengambil waktu dan masa yang panjang, kerana *Manang* yang diamanahkan untuk mengetuai upacara ini harus menetapkan hari, upah yang diberikan dan barang-barang yang diperlukan dalam pelaksanaan ritual. Selain itu, *Manang* yang telah diamanahkan tersebut, harus mencari seorang lagi *Manang* yang senior untuk membantu beliau dalam ritual *Bebangun Manang*. Pengamalan kebudayaan Iban seperti *gendang rayab* akan dimainkan secara bertalu-talu bagi menjemput *Raja Manang Menjaya* iaitu dewa kesembuhan orang Iban untuk turun ke bumi bagi memberkati upacara ini, kemudian penggunaan artifak budaya seperti *pua kumbu*, *lupong manang* dan tongkat *manang* akan digunakan sepanjang proses pelaksanaan ritual ini.

Hasil cerapan telah merumuskan bahawa *Lupong Manang* merupakan sebuah kotak yang diperbuat daripada pelbagai bahan organik seperti kayu, kulit kayu, rotan dan tulang binatang sebagai perhiasan. Objek budaya ini adalah bersifat etnologi dan sangat penting bagi kegunaan *Manang*

² Upacara *beserara bungai* adalah sebuah ritual yang dilakukan oleh *Manang* dalam memisahkan roh orang yang telah mati dengan ahli keluarga yang masih hidup. Dalam upacara ini, hanya *Manang* yang telah melakukan adat *bebangun* sahaja yang boleh melaksanakan proses ritual ini. Ini adalah disebabkan, *Manang* akan melakukan komunikasi dan proses pemisahan dunia manusia dan dunia *sebayan* (dunia orang mati)

dalam upacara dan ritual seperti *Belian* dan *Besudi* iaitu sebuah proses penyembuhan secara tradisional bagi masyarakat Iban di Sarawak.



Gambar 2. *Lupong Manang*
Sumber: Koleksi Muzium Sarawak (2019)

Gambar 2 merupakan *Lupong Manang* yang terdapat dalam koleksi etnografi dalam Muzium Sarawak yang dikenali sebagai *Brooke Low Collection* dan merupakan milik masyarakat Iban. Menurut informan Dora Jok semasa pemerintahan Charles Brooke, beliau sangat berminat dengan cara hidup peribumi dan banyak melakukan eksplorasi ke kawasan rumah panjang untuk mempelajari dan memahami cara hidup masyarakat tersebut. Pelbagai jenis artifak yang telah dibawa oleh Brooke ketika dalam ekspedisinya itu dan disimpan sebagai koleksi Muzium Sarawak pada ketika itu. Kearifan tempatan dan kaedah pengubatan masyarakat Iban yang dilihat sangat unik dan luar biasa telah menarik minat Brooke untuk mengkajinya dengan lebih mendalam, termasuklah objek budaya yang digunakan oleh *Manang* dalam ritual penyembuhan. Selain daripada memenuhi minatnya terhadap koleksi etnologi peribumi, ia adalah sebagai suatu cara untuk beliau memahami cara hidup masyarakat Dayak bagi tujuan kelancaran pemerintahannya. Charles Brooke banyak belajar daripada kesilapan James Brooke yang terlalu agresif dan kasar dengan masyarakat peribumi, khususnya orang Iban sehingga mengakibatkan pemberontakan dan peperangan.

***Lupong Manang* dalam Kesusasteraan Iban**

Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langu, pengetahuan masyarakat Iban terhadap alam ghaib telah diceritakan selama bergenerasi daripada mulut ke mulut dalam tradisi lisan seperti *Sabak Bebuah*, *sampi*, *Jerita Tuai* dan *Leka Main Iban*. Mereka percaya bahawa suatu ketika dahulu, masyarakat Iban pernah tinggal bersama-sama dengan orang di alam ghaib di sebuah penempatan lagenda di *Tembawai Tampun Juab*. Masyarakat Iban tinggal di sebuah rumah panjang yang diketuai oleh *Apai Keling* iaitu *Gemuring Gading*. Namun selepas kematian *Apai Keling*, masyarakat Iban telah mengalami konflik berat dengan *Urang Panggau* (dewa-dewi) terutamanya, dengan sikap *Dewa Bungai Nuing* yang permarah dan agresif menyebabkan mereka berpecah dengan *Urang Panggau* (dewa-dewi) dan tidak dapat melihat kewujudan dewa-dewi lagi. Menurut informan Penghulu Tan Kayan, walau pun, konflik tersebut telah membawa satu perpisahan yang nyata, namun interaksi antara masyarakat Iban dengan alam ghaib itu masih berterusan melalui amalan budaya dan penggunaan objek-objek sakral untuk berkomunikasi. Selain itu, alam ghaib mampu menjelmakan diri mereka menerusi mimpi masyarakat Iban untuk menyampaikan pesanan dan perintah.

Raja Menjaya adalah Tuhan yang sangat penting dalam pengubatan tradisional Iban iaitu *Belian* dengan menggunakan *ensumbar* (gelaran) *Manang Langgong Ngembuan Puchong Penyangga Nyawa* selepas *bebangun nyadi manang* (ritual tertinggi dalam adat istiadat bomoh Iban). Menurut informan Jimbun Tawai, mengatakan kisah *Raja Menjaya* seperti yang diceritakan dalam kesusasteraan lama Iban adalah bermula apabila *Raja Jembu* mula membahagikan kuasa langit kepada tujuh orang puterinya. Di mana, seorang puterinya iaitu *Andan* telah menerima sebuah kotak ubat yang sering digunakan oleh *Manang Iban* (bomoh) iaitu *Lupong Manang* dengan pelbagai jenis penawar untuk segala penyakit


di dunia manusia. Mitos ini dikatakan terjadi semasa *Petara* (tuhan) masih lagi hidup bersama dengan *Mensia* (masyarakat Iban) sebelum mereka memisahkan diri ke langit. Tidak lama selepas *Aki Lang Sengalang burung* menikah dengan isterinya, *Endu Endat Baku Kansat*. Isterinya telah mengalami sakit tenat yang misteri dan telah menyebabkan *Aki Lang Sengalang Burung* menjadi bimbang. Walau bagaimana pun, beliau yang teringat akan adiknya iaitu *Andan* yang memiliki kotak penyembuhan lalu memanggilnya di *Bukit Rabong* iaitu sebuah tempat khusus bagi *Manang* (bomoh) untuk menyembuhkan isterinya.

Andan lalu datang dan menyembuhkan adik iparnya, akan tetapi beliau telah memberitahu abangnya, *Sengalang Burung* bahawa dia dan orang-orang yang hidup di rumah panjang haruslah mempunyai seorang *Manang* (bomoh) untuk menjaga keselamatan mereka di kemudian hari. *Aki Lang Sengalang* lalu memujuk dan meyakinkan adik lelakinya iaitu *Menjaya* untuk mejadi *Manang Bali* (pangkat bomoh yang tertinggi dalam status sosial Iban). Namun demikian untuk menjadi *Manang Bali* haruslah berjantinaan wanita, namun demi kepentingan penduduk Iban di rumah panjang, *Menjaya* bersetuju untuk menukarkan dirinya menjadi wanita dan bertransformasi menjadi *Manang Bali*. Peretujuan yang dibuat tersebut telah diuruskan oleh *Andan* dengan melakukan ritual *Manang Bali* (upacara transisi bomoh lelaki menjadi bomoh wanita untuk mencapai status bomoh yang tinggi) di *Bukit Rabong*. *Raja Menjaya* telah dibawa ke *Bukit Ranong* dan hidup sebagai wanita serta dikenali dengan nama baharunya iaitu *Ini Inee* atau *Ini Anda*. Kejadian tersebut telah diceritakan selama bergenerasi dalam tradisi lisan Iban dan mereka melihat bahawa *Bukit Rabong* adalah sebagai tempat yang suci dan sakral. Pangkat *Manang Bali* dianggap sebagai bomoh penyembuhan yang paling hebat dalam perubatan tradisional Iban kerana keupayaan mereka yang bersifat melindungi nyawa *mensia* (Iban) dan memiliki azimat *Menjaya Manang Raja* iaitu azimat “*penyangga nyawa*” (mengawal nyawa manusia). Walaubagaimana pun, dalam sistem sosial Iban, jenis kelamin yang hakiki adalah terbahagi kepada dua sahaja iaitu lelaki serta perempuan dan bukan sebaliknya. Perubahan jenis kelamin yang berbeza dengan kudrat yang hakiki adalah merupakan sebuah pandangan yang konservatif dan lari daripada norma kebiasaannya. Oleh itu, konsep *Manang Bali* yang diamalkan dalam kebudayaan *Manang* (bomoh) telah menimbulkan perasaan yang tidak selesa dalam masyarakatnya walaupun status jantina tersebut diilhamkan daripada mimpi atau perintah alam ghaib.


Estetika Seni dan Rupa dalam *Lupong Manang*

Lupong Manang yang menjadi koleksi Muzium Sarawak adalah berbentuk silinder, dan memiliki ketinggian 40 sentimeter dan lebar 17 sentimeter. Bahan asas yang menjadi medium utama pembuatan *Lupong Manang* adalah sejenis kayu dari hutan Borneo iaitu kayu *entili* atau nama saintifiknya *Shorea Rugosa (Dipterocarpea)*. Bahan-bahan pembuatannya adalah bersifat organik dan mudah rapuh terhadap perubahan sekeliling seperti perubahan suhu, kadar kelembapan, penghuraian serat-serat micro dan ancaman serangga perosak seperti anai-anai yang boleh membawa kemunduran pada sifat fizikal objek.

Dari segi reka bentuk *Lupong Manang* ini adalah terdapat dua gelung rotan yang dianyam melingkari objek dan dikombinasi dengan tembaga. Selain itu, terdapat sebuah ukiran kayu yang mana komposisi rekaannya adalah tidak semetri dan mempunyai lekukan yang berulang-ulang. Dalam paparan gambar 3, warna coklat kayu gelap telah menjadi penegasan dalam seni rupa *Lupong Manang* dan warna sampingan iaitu coklat cerah sebagai penambah dalam seni reka artifak budaya tersebut. Bentuk artifak yang berbentuk silinder dan mempunyai tapak yang bulat dan rata di bahagian bawah, serta mempunyai bentuk yang melengkung di bahagian atas iaitu berfungsi sebagai penutup kepala *Lupong Manang*.



Gambar 3. *Lupong Manang* yang besaiz tinggi
 Sumber: Koleksi Muzium Sarawak (2019)



Gambar 4. *Lupong Manang*
 (Sumber: Koleksi Muzium Sarawak (2019))

Pemerhatian terhadap visual bentuk dan rupa pada gambar 4 telah dikenal pasti dengan jelas elemen seni seperti figura, bentuk, warna, kemasan dan material pada *Lupong Manang*. Unsur yang paling dominan dalam artifak budaya tersebut adalah motif figura manusia pada kedua-dua kiri dan kanan objek. Figura manusia ini membawa maksud sebagai penjaga kepada *Manang* dan azimat-azimat yang disimpan di dalam kotak tersebut sesuai dengan kepercayaan masyarakatnya. Bentuk figura seperti itu banyak dijumpai dalam olahan seni masyarakat Iban seperti pada tekstil *Pua Kumbu* dan seni ukiran yang disebut sebagai *Pentik*. Bentuk tersebut adalah disebut sebagai bentuk hidup, sakral dan tinggi tingkat sosialnya dalam pengkelasan heriarki olahan motif-motif Iban.



Gambar 5. Figura manusia
Sumber: Koleksi Muzium Sarawak (2019)

Ukiran tersebut adalah merupakan figura manusia yang digambarkan separa abstrak dan separa realistik. Bahagian realistik telah digambarkan secara terperinci dalam bahagian kepala figura, iaitu telah diukir bahagian rupa manusia seperti mata, hidung, mulut dan telinga. Selain itu, paparan rupa dalam bentuk artifak tersebut mempunyai emosi yang berbeza-beza. Berdasarkan kepada ukiran yang terdapat pada Gambar 5 (I), emosi ukiran rupa tersebut kelihatan tenang dan tersenyum, manakala pada Gambar 5 (II) adalah menggambarkan emosi sedih, gelisah dan sayu. Bagi bahagian anggota tubuh badan digambarkan secara abstrak iaitu memiliki sepasang kaki, tangan serta duduk dalam posisi duduk serta mencangkung. Dalam kepercayaan Iban, rupa bentuk manusia adalah dilarang sama sekali untuk diukir atau ditunen secara realistik dan lengkap sifatnya. Ini adalah dikhuatiri akan memendekkan jangka hayat seseorang penghasil objek budaya tersebut kerana mereka percaya bahawa penghasil artifak tersebut telah memberikan talian hayat kepada objek budaya yang dihasilkannya untuk bernyawa atau disebut sebagai '*alah ayu*'.³

Proses pembuatan *Lupong Manang* adalah sangat sakral dan banyak pantang-larangnya. Menurut informan Sanggah, selalunya, *Manang* akan membuat sendiri *lupong* berdasarkan kepada '*hyang*'⁴ dan kemahirannya. Namun, sekiranya *Manang* tidak mampu untuk membuat *lupong* sendiri, maka beliau akan mengupah seseorang yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan bukanlah berasal dari orang biasa melainkan seseorang yang tinggi *dinding bulu*⁵. Upah yang akan diterima adalah sebuah tembikar kecil iaitu *kebuk* sebagai simbolik *karung*⁶ semangat kepada orang yang ditugaskan membuat *Lupong Manang*. Sepanjang proses pembuatan *Lupong Manang*, *leka timang* (sebuah nyanyian roh) akan didendangkan, ini adalah menurut kepercayaan orang Iban bahawa setiap artifak budaya yang sakral (terutamanya artifak yang berkaitan dengan kematian dan dunia ghaib) akan menyeru dan membuka dimensi ruang antara alam manusia dan alam kematian.

³*Alah Ayu* bermaksud seseorang yang belum cukup ilmunya atau semangat (roh) yang kuat akan menyebabkan mereka disumpah oleh Antu menjadi sakit sehingga membawa kematian,

⁴*Hyang* adalah merujuk kepada pelindung dan penjaga kepada *Manang* untuk mengelakkan kuasa-kuasa jahat menimpa beliau semasa melakukan upacara dan ritual. Selalunya *Hyang* ini menjelma dalam bentuk sifat-sifat binatang.

⁵*Dinding bulu* adalah merujuk kepada aura dan semangat batin yang kebal dalam diri seseorang individu. Di mana, mereka ini mempunyai kelebihan yang tinggi apabila berhadapan dengan kekuatan alam ghaib dan tidak mudah menerima pengaruh buruk daripada roh seperti sakit dan malapetaka. *Dinding bulu* seseorang individu hanya boleh dilihat oleh pakar yang bijak sana seperti *Manang* dan *Lemambang* sahaja, untuk melihat kekuatan batin dan spiritual mereka.

⁶*Karung semangat*- *karung* (guni/karung) dan *semangat* (roh): Guni/karung Roh iaitu sebuah metafora yang digunakan oleh masyarakat Iban sebagai perlambangan dan perumpamaan untuk menjaga dan mengurung roh daripada diganggu dan diceritakan oleh semangat jahat semasa mereka menghasilkan *Lupong Manang*.

***Lupong Manang* dalam perubatan tradisional Iban**

Sebelum wujudnya kebergantungan terhadap perubatan moden, masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang sangat bergantung penuh dengan *Manang* tentang perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan perubatan. Konsep dan idea pengubatan tradisional Iban adalah memiliki hubung kait dengan kepercayaan masyarakatnya terhadap alam ghaib dan alam sekitar yang disebut sebagai ritual *belian*. Ramai yang keliru dengan terma *pelian* dan *belian*, kedua-dua istilah tersebut memiliki makna yang berbeza dari segi maksudnya. Makna *Pelian* adalah merupakan *leka* (mantera) yang digunakan untuk orang yang sakit (*rites for the sick*) bagi proses penyembuhan (Richard 1981). Manakala ritual *belian* adalah merupakan ritual yang dilakukan oleh *Manang* untuk mengubati penyakit dengan menggunakan mantera dan jampi iaitu *Leka Pelian* untuk pelaksanaan ritual *belian*.



Gambar 6. *Manang* dalam ritual *Belian* Iban
Sumber: Utusan Sarawak (2020 dan (2021)

Dalam pengubatan tradisional Iban, menurut informan Mat Minggan, tugas utama *Manang* adalah untuk menjejaki semula roh pesakit dan membawanya pulang kembali ke badannya untuk memperolehi kesihatan seperti sediakala. Caranya adalah dengan mengadakan ritual *Belian* dan *Manang* akan menuturkan *leka pelian* dalam Bahasa Iban. Namun, tutur bicara tersebut tinggi kosa katanya dan berbeza dengan pertuturan harian masyarakat di rumah panjang dan hanya difahami oleh *Manang* dan *lemambang* sahaja. Semasa mengadakan ritual, urutan *leka pelian* haruslah betul dan mengikut urutannya agar ritual pengubatan tersebut menjadi lebih mujarab dan berkesan. Dalam melakukan proses pengubatan tersebut, *Manang* sangat bergantung penuh dengan kotak perubatannya yang disebut sebagai *Lupong Manang*. Oleh sebab itulah adanya ritual *Nimang Lupong Manang* agar semua ubat yang terdapat dalam kotak kayu tersebut menjadi mujarab dan berkesan sehingga ke akhir masanya. Selain itu juga, setiap kali mengadakan upacara *Gawai Tanju*, *Manang* akan mengembunkan azimatnya dengan air embun sebelum matahari terbit, tujuannya adalah untuk memandikan segala azimatnya agar aura objek tersebut kekal mempunyai kuasa yang kuat.


Menurut informan Jantan Uambat mengatakan *Lupong Manang* berfungsi sebagai tempat untuk *Manang* menyimpan *batu ilau* iaitu objek budaya yang penting digunakan oleh *Manang* dalam ritual *belian*. *Batu Ilau* adalah sejenis azimat yang diberikan oleh *Antu* dalam mimpi atau diwariskan dan digunakan oleh *Manang* dalam mendiagnosis penyakit yang menimpa pesakitnya. Bentuk *Batu Ilau* adalah seperti batu kristal, jernih dan memiliki bentuk yang unik. Menurut informan Kiyai Uri, *Manang* percaya bahawa, sekiranya masyarakat Iban ditimpa penyakit dan susah untuk sembuh, maknanya semangat mereka telah diganggu oleh *Antu* jahat disebabkan oleh perbuatan yang mereka lakukan tanpa di sengajakan atau disengajakan. Menurut informan Sanggah, *mensia* (manusia) ini diibaratkan seperti hasil buruan seperti khinzir dan kijang oleh *Antu* yang kelaparan dan ingin memakan jiwa manusia. Oleh sebab itulah, sekiranya *ujan nyala*⁷ mereka akan meletakkan sejenis rumput dicelah-celah atas telinga sebagai adat dan pantang larang ketika turun ke hutan. Tujuannya adalah untuk melindungi roh mereka daripada di buru *Antu Gerasi* yang lapar. Selain *batu ilau*, *Lupong*

⁷ *Ujan Nyala*- hujan panas, selalunya dalam waktu tengah hari dan petang. Dalam kepercayaan Iban, para antu akan turun berburu manusia yang disangka mereka sebagai binatang buruan dan adalah sangat dihindari untuk masyarakat Iban merayau-rayau di luar ketika waktu tersebut.

Manang turut menyimpan *ubat pengaroh*⁸ yang digunakan oleh *Manang* dalam ritual pelian serta melindungi dirinya sendiri. *Pengaroh* tersebut terdiri daripada azimat yang baik seperti *ubat pencilap*, *ubat penabar mimpi tauka penabar burung*, *sakang penawar* dan *engkerabun*. Setiap azimat ini mempunyai fungsi dan kuasa *supernatural* yang tersendiri dalam membantu dan menyembuhkan masyarakat Iban di rumah panjang.

PERBINCANGAN PENYELIDIKAN

Kini amalan *Manang* makin diancam kepupusan dalam ritual dan kepercayaan masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini turut membawa kepada kemunduran dalam pembuatan dan penggunaan artifak budaya iaitu *Lupong Manang* yang sering digunakan oleh *Manang* dalam upacara ritual. Melalui penyelidikan ini berdasarkan kepada Rajah 3, telah dikenal pasti beberapa faktor yang dilihat membawa kepada kemunduran dalam kepercayaan terhadap *Manang* dan penggunaan *Lupong Manang*, antaranya adalah:



Rajah 3. Faktor kemunduran dalam *Lupong Manang*

Pertama adalah pengaruh daripada kemasukan kolonial barat lewat abad Ke-19, apabila James Brooke telah memperkenalkan agama Kristian dalam kalangan penduduk Iban di negeri ini. Secara tidak langsung, kepercayaan tradisional nenek moyang telah dilihat bercanggah dengan anutan agama baharu mereka. Masyarakat Iban kini telah berubah pandangan mereka dalam melihat konsep dunia, idea tentang wujudnya kekuatan ghaib melalui amalan ritual dan pemujaan telah digantikan dengan konsep ketuhanan dan kepercayaan terhadap gereja dan paderi. Sejak zaman Brooke lagi, mubaligh-mubaligh Kristian giat meluaskan idealogi dalam kelompok peribumi Dayak di Sarawak, amnya orang Iban untuk mereka menerima ajaran yang berlandaskan dan berteraskan gereja. Mubaligh-mubaligh ini bukan hanya menyebarkan ajaran agama semata-mata namun mengambil pendekatan untuk mewujudkan lingkungan yang mesra dengan masyarakat Iban. Misalnya, Father Dunn pada tahun 1881 telah menggunakan pendekatan pertanian yang moden bagi menarik minat orang Iban yang berada di sekitar Sarikei dan Saribas untuk meningkatkan kualiti hidup mereka dalam aspek ekonomi dan sara diri. Tambahan pula, masyarakat Iban adalah kumpulan masyarakat yang mengamalkan bentuk hidup agraria iaitu dengan menanam padi pindah.

⁸ *Pengaroh*- Azimat yang digunakan oleh *Manang* dalam upacara ritual pelian. Azimat ini selalunya diberikan oleh roh ghaib melalui mimpi dan perwarisan dari keluarga yang mengamalkan budaya *Manang*.

Jadi hubungan rapat tersebut agak mudah diserap dan pendekatan Father Dunn telah membentuk suatu kepercayaan yang besar buat masyarakat Iban di kawasan tersebut (Kiyai & Tugang 2020).

Kedua adalah faktor perubahan globalisasi. Perubahan globalisasi menjadi faktor penolak yang dominan terhadap kemunduran *lupong manang* dalam budaya Iban dari segi penghasilan, penggunaan dan kepercayaannya. Masyarakat Iban kini cenderung dalam mengejar kemajuan dan dilihat perlahan-lahan meninggalkan cara kehidupan nenek moyang mereka di masa lampau. Majoriti masyarakat Iban dilihat lebih selesa untuk berhijrah ke kawasan-kawasan bandar yang memberikan banyak peluang perkerjaan dan pendidikan untuk taraf hidup ekonomi yang lebih berkualiti dan menjalani kehidupan yang lebih moden. Faktor ini secara tidak langsung telah menghakis dan melunturkan kepercayaan masyarakat Iban terhadap agama lama dan peranan *Manang* sebagai pakar perubatan. Perkara ini turut ditambah dengan wujudnya hospital dan klinik kerajaan yang dilihat lebih murajab melalui penggunaan ubat-ubatan sains moden untuk merawat penyakit berbanding dengan kaedah pengubatan dan penyembuhan tradisional yang berkisarkan firasat dan alam ghaib.

Terakhir adalah penolakan daripada komuniti itu sendiri. Penolakan ini adalah berpunca daripada faktor kerelevanan budaya tersebut untuk dipraktikkan dengan kesesuaian zaman dalam kehidupan harian mereka. Seiring dengan perubahan waktu, masyarakat Iban kini banyak mengabaikan kebudayaan nenek moyang mereka yang dilihat tidak sesuai dengan perubahan hidup mereka yang moden dan bersifat kontemporari. Salah satunya adalah kepercayaan terhadap kekuasaan *Manang* dalam aspek penyembuhan dan pengubatan tradisional Iban. Generasi Iban yang baharu melihat bahawa, kepercayaan terhadap kekuasaan *Manang* adalah sangat melecehkan dan menyusahkan kerana terlalu banyak adat dan perlaksanaan ritual yang harus diikuti. Tambahan pula, untuk mencari seorang *Manang* dalam era ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana tidak ramai pakar yang masih lagi meneruskan legasi ini selepas munculnya agama Kristian dalam kepercayaan masyarakat Iban. Selain itu, kepercayaan masyarakat Iban terhadap kuasa ghaib semakin terhakis apabila ramai anak muda Iban kini yang celik huruf dengan mendalami bidang pendidikan iaitu percaya akan ilmu sains dan setiap yang berlaku di lingkungan mereka mempunyai penjelasan yang bersebab.

Kendati pun begitu, terdapat juga usaha untuk memelihara dan memulihara warisan budaya *Manang* ini dalam era baharu kini. Walau pun, kaedahnya sudah tidak asli seperti yang diamalkan oleh nenek moyang Iban dahulu lagi, namun usaha untuk meneruskan legasi tersebut masih ada lagi diteruskan oleh generasi baharu yang mempunyai kesedaran dalam berbudaya. Penggunaan *Lupong Manang* turut mengalami proses modifikasi apabila ianya kini bukan lagi menjadi milik *Manang* secara mandatori, namun sesiapa sahaja boleh menggunakannya sebagai untuk tujuan perhiasan dan pelengkap gaya. Bahkan, pembuatan reka bentuk *Lupong Manang* telah dikomtemporari untuk menjadikan ia lebih menarik dan membuang unsur-unsur yang berkait rapat dengan alam mistik bagi menjadikan pasarannya lebih besar dan bukan hanya dimiliki oleh orang Iban semata-mata namun turut dikongsi bersama dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

Kini, ilmu *Manang* ini dilihat sebagai sebuah khazanah yang berharga oleh pihak Jabatan Muzium Sarawak apabila pada 25 sehingga 28 Ogos 2022 telah mengadakan sebuah persidangan antarabangsa berkaitan dengan *Shamanism and Crisis: Seeking Human Identity* dengan kerjasama *International Society for Academic Research on Shamanism (ISARS)*. Pelbagai kertas kerja telah dibentangkan oleh penyelidik dalam memfokuskan kepada amalan kedudukan dalam kebudayaan masyarakat peribumi dunia khususnya. Tujuannya adalah untuk menghimpunkan penyelidik antarabangsa dan nasional, ahli akademik, pekerja muzium dan komuniti tempatan yang bersemangat untuk mengetahui warisan budaya tradisional ini dalam meneroka dan memahami isu dan cabaran mengenai amalan kedudukan dalam mendepani cabaran globalisasi, kemerosotan alam sekitar dan ekologi, ketahanan budaya asli dan kebijakan rohani sejagat yang wujud dalam semua suku peribumi di dunia, khususnya peribumi Sarawak.



Gambar 7. Pameran dan persidangan *Shamanism and Crisis: Seeking Human Identity*
Sumber: Laman web Jabatan Muzium Sarawak (2022)

Selain itu, bagi menyemarakkan lagi pengetahuan dan pendidikan tidak formal kepada masyarakat tempatan, Jabatan Muzium Sarawak telah mengadakan sebuah pameran sementara yang bertemakan *A Spiritual Journey Exhibition*. Pameran ini memberikan pemahaman yang penting kepada pengunjung untuk menyelusuri konsep dan idea, asal usul dan pelaksanaan ritual dalam amalan dukun itu sendiri. Selain itu, ia turut mempamerkan artifak budaya yang digunakan oleh pengamal kedukunan tradisional di Sarawak seperti *Manang* dalam upacara ritual seperti pengubatan, penyembuhan dan pengusiran roh-roh jahat yang dipercayai selalu mengganggu dan memudaratkan masyarakat tempatan. Artifak budaya yang dipamerkan adalah merupakan objek yang bersifat sakral dan dibuat menggunakan kearifan tempatan yang tinggi dalam penghasilannya. Kebanyakan artifak yang dipamerkan sudah jarang didendangkan atau kelihatan wujud dalam kehidupan berbudaya masyarakat tempatan kerana penerimaan amalan kedukunan ini semakin terhakis dan dilupakan oleh generasi muda.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kewujudan *Lupong Manang* dalam kepercayaan penyembuhan dan pengubatan tradisional Iban melalui amalan *Manang* adalah merupakan sebuah idea, pengetahuan dan kearifan tempatan masyarakat Iban terhadap alam lingkungan dan hubungannya dengan kuasa-kuasa luar biasa yang bersifat sakral dan mistik. Masyarakat Iban percaya bahawa setiap penyakit yang dihadapi oleh mereka adalah merupakan kotoran, kemarahan dan salah tingkah dari segi perbuatan dan pertuturan yang membuatkan kuasa-kuasa ghaib marah lalu menyebarkan penyakit ke atas individu tersebut sebagai suatu bentuk hukuman dan pengajaran. Bagi meneutralkan kesalahan tersebut, maka *Manang* akan melakukan ritual pengubatan dan penyembuhan dengan menggunakan *Lupong Manang*. Segala azimat yang disimpan dalam *Lupong Manang* adalah baik dan mujarab belaka. Penyembuhan tradisional Iban bukan hanya berkisarkan kepada proses pengubatan, namun mengharuskan *Manang* untuk berkomunikasi dengan roh yang dipercayai menyebabkan penyakit tersebut dengan melakukan ritual *Belian* bagi melakukan proses diplomasi untuk berdamai bagi menjaga keseimbangan dunia orang Iban dan dunia alam ghaib. Segala apa yang terjadi harus dijadikan pelajaran, pengajaran dan pedoman kepada masyarakat Iban lainnya di rumah panjang agar harus selalu berhati-hati dan meneruskan kehidupan berdasarkan adat dan pantang larang nenek moyang mereka untuk mencapai keharmonian dan kesejahteraan bersama.

Masyarakat Malaysia mempunyai pluraliti etnik yang majmuk dan kepelbagaian bentuk kebudayaan dan kesenian yang beragam daripada pelbagai suku bermula dari Perlis sehingga ke Sabah. Kekayaan khazanah tradisi ini membuatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dan progresif dalam mendepani globalisasi muktahir ini. Walau pun, kita berusaha untuk memandang ke depan sebagai sebuah negara maju, namun warisan nenek moyang janganlah dilupakan kerana ia adalah merupakan sebuah jati diri dan identiti budaya bangsa yang merdeka dan bertamadun tinggi. Oleh itu, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman yang komprehensif dalam menerangkan konsep, fungsi dan estetika seni kepercayaan tradisional dan kebudayaan masyarakat

Iban melalui sebuah artifak budaya iaitu *Lupong Manang* yang merupakan sebuah koleksi etnologi Muzium Sarawak. Selain itu, ia adalah sebagai usaha untuk mengarkibkan *Lupong Manang* sebagai sebuah objek budaya Iban yang patut dipelihara sebagai warisan negara dari aspek perubatan dan penyembuhan tradisional sesuai dengan idea dan kepercayaan masyarakat peribumi di Sarawak.

RUJUKAN

- Appell, G.N. 2001. Iban Studies: their contribution to social theory and the ethnography of other Borneo societies. *The Encyclopedia of Iban Studies: Iban History, Society and Culture*, hlm. 741-785. Kuching: The Tun Jugah Foundation, "Borneo Classics Series,"
- Curnoe, D., Datan, I., Taçon, P.S., Leh Moi Ung, C., & Sauffi, M.S. 2016. Deep skull from Niah Cave and the Pleistocene peopling of Southeast Asia. *Frontiers in Ecology and Evolution* 4: 75.
- Freeman, D. 1970. *The Iban of Western Borneo*. Cultures of the Pacific/Selected Readings, 180-200.
- Fleming, E.M. 1974. Artifact Study: A Proposed Model. *Winterthur Portfolio* 9: 153-173
- Harrison, T. 1965. Borneo writing. *Bijdragen tot de taal-, land-en volkenkunde/Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia* 121(1): 1-57.
- Kimwah, J., Arus, B.M., Fun, H.K.N., Kimjik, A.I., & Mambut, N. 2018. Tinjauan Awal Terhadap Lukisan Gua Kain Hitam (The Painted Cave) Niah, Sarawak. *Jurnal Gendang Alam (Ga)* 85-85.
- Kimwah, J., Ibrahim, I., & Arus, B.M. 2020. Boat-Shaped Coffin Dalam Gua Kain Hitam (Painted Cave) Niah, Sarawak. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*.
- Kimwah, J., Jusilin, H., & Sahibil, Z. 2020. Kain Hitam Cave (Painted Cave) Niah, Sarawak: The Relationship of Boat-Shaped Coffin and Rock Painting. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 5(SI3): 319-325.
- Kedit, P.M. 1988. *Iban Bejalai and Sarawak's development*. Development in Sarawak, 135-155.
- Kimwah, J., & Arus, B.M. 2021. Imej Anthropomorphic Dalam Gua Kain Hitam (Painted Cave) Sarawak. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*.
- King, V.T. 2017. Claiming authority: Derek Freeman, his legacy and interpretations of the Iban of Borneo. *Bijdragen tot de taal-, land-en volkenkunde/Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia* 173(1): 83-113.
- Kiyai, G., & Tugang, N. 2020. Jabatan Muzium Sarawak: Perkembangan Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33(1).
- Linggi, D.A.M. 2001. *Ties that bind: Iban ikat weaving*. Spotlight Poets.
- Masing, J.J. 1981. *The coming of the gods: A study of an invocatory chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh River region of Sarawak*. Australia: The Australian National University.
- Morris J.R. 2020. Negotiating Museum Narratives: The Sarawak Museum, the Brooke State and the Construction of Cultural Heritage, 1886–1963. In: Gabriel S. (eds) *Making Heritage in Malaysia*. Singapore: Palgrave Macmillan.
- Pearce, S. 2017. *Museums, Objects, And Collections: A Cultural Study*. Smithsonian Institution.
- Rousseau, J. 1980. Iban inequality. *Bijdragen tot de taal-, Land-en Volkenkunde* (1ste Afl): 52-63.
- Simonson, T.S., Xing, J., Barrett, R., Jerah, E., Loa, P., Zhang, Y., & Jorde, L.B. 2011. Ancestry of the Iban is predominantly Southeast Asian: genetic evidence from autosomal, mitochondrial, and Y chromosomes. *PLoS one* 6(1): e16338.
- Sather, C. 1996. "All threads are white": Iban egalitarianism reconsidered. *Origins, ancestry and alliance*, 70-110.
- Sandin, B., Harrison, T., & Pringle, R.M. 1967. *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan.
- Sandin, B. 1983. Mythological Origins of Iban Shamanism. *Sarawak Museum Journal* 32(53): 235-250.
- Shelford, R. 1903. On Two Medicine-Baskets from Sarawak. *The Journal of the Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* 33: 74-81.
- Werner, R. 2012. *Lupong: The Manang Healing Kit*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Werner, R. 2013. *Diagnostic Procedures Of The Iban Manang*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Utusan Sarawak. *Agama Adat Iban dalam Politisisme: Manang Entayang Seduai Manang Gelanyang*. Terbitan 29 Julai 2020, diakses dari <https://www.utusansarawak.com.my/?p=10503>
- Utusan Sarawak. *Bekunsi pelian taja nadai agi bemanang*. Terbitan 11 Januari 2021, diakses dari <https://www.utusansarawak.com.my/?p=20641>

Zhang, X., Li, C., Zhou, Y., Huang, J., Yu, T., Liu, X & Su, B. 2020. A matrilineal genetic perspective of hanging coffin custom in Southern China and Northern Thailand. *Iscience* 23(4): 101032.

Gregory Kiyai @ Keai, Ph.D
City Graduate School
City University Malaysia,
46100 Petaling Jaya, Selangor
Email: gregory_kiyai@yahoo.com

Received: 8th November 2022

Accepted: 22th January 2023

Published: 30th April 2023